

# Pengguna perlu bijak manfaat teknologi

Zaman kini semakin canggih dengan wujudnya telefon pintar. Saya percaya kebergantungan terhadap alat teknologi juga semakin meningkat. Jika dahulu setiap individu hanya memerlukan makanan, pakaian, pengangkutan dan tempat tinggal sebagai keperluan asas mereka, kini keadaan sudah berubah.

Alat komunikasi dan teknologi dianggap keperluan asas. Sememangnya kini kita memerlukan dan menggunakan teknologi dalam kehidupan seharian.

Bayangkanlah jika telefon

bimbit tiada dalam sehari? Bayangkanlah jika sistem internet tergendala sepanjang hari? Bagaimanakah agaknya kita dapat berhubung dengan keluarga dan rakan? Bagaimanakah agaknya urusan dapat diselesaikan? Tentu masalah ini mengundang seribu satu kesulitan kepada kita kerana terlalu bergantung kepada teknologi.

## Kebergantungan terhadap alat teknologi

Kebergantungan manusia terhadap alat teknologi ini menggalakkan lagi pihak pengeluar

untuk terus mengeluarkan dan mencipta alat komunikasi dan teknologi baharu. Mereka bersaing sesama sendiri untuk memastikan produk mereka laris di pasaran.

## Pelengkap urusan

Sebagai pengguna teknologi, saya tidak nafikan kepentingan alat komunikasi ini dan peranan besar dalam melengkapkan urusan manusia. Namun, secara jujurnya, saya tidak mampu mengejar teknologi yang semakin pesat berkembang.

Internet adalah medium pa-

ling utama dalam menyumbang maklumat dan berita kepada kita. Sebagai pengguna, kita seharusnya menggunakan internet secara berhemah. Harus diingat bahawa bukan semua maklumat di peroleh secara langsung daripada internet itu adalah benar dan sah.

Justeru, saya menyeru kepada semua pengguna teknologi agar memanfaatkan sebaik mungkin kecanggihan teknologi ini agar tidak mendatangkan kesan yang buruk kemudian hari. Jadilah pengguna teknologi yang bijak.

**Sakinah Khiri**

Universiti Sains Islam  
Malaysia